

30 SEP 1999

Khalil-Lawatan

KRITIKAN HEBAT PEMBANGKANG BUKTI SIRI LAWATAN PERDANA MENTERI BERJAYA

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Siri lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke seluruh negara baru-baru ini menerima sambutan baik oleh segenap lapisan rakyat.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata, seperti apa yang dapat dilihat, siri lawatan dan ucapan Dr Mahathir itu sentiasa mendapat sambutan daripada beribu-ribu rakyat.

"Kritikan hebat daripada pihak pembangkang terhadap siri lawatan Perdana Menteri ke seluruh negara membuktikan kejayaannya," katanya ketika ditemuramah dalam rancangan "Gemilang Malaysia" yang disiarkan oleh RTM1 di sini malam ini.

"Saya percaya rakyat sekali lagi akan memberi mandat bukan sahaja kepada Perdana Menteri tetapi kepada BN secara keseluruhannya," kata Khalil yang juga Menteri Penerangan.

Beliau menolak dakwaan pembangkang bahawa bahagian-bahagian Umno negeri dan parti komponen Barisan Nasional yang lain telah digunakan untuk mengarah atau menyediakan pelbagai insentif bagi rakyat hadir untuk mendengar ceramah Dr Mahathir.

"Kita hanya memberitahu mereka (bahagian-bahagian Umno dan parti komponen BN) dan ahli tahu tentang tanggungjawab mereka untuk mendamping, bertanya khabar dan berjumpa dengan pemimpin-pemimpin," katanya.

Katanya, seperti kebiasaan parti-parti pembangkang tidak akan menerima dengan baik segala langkah kerajaan dan akan memutarbelitkan segala kejadian untuk kelebihan mereka.

Beliau juga berkata, hasil beberapa perjumpaan Dr Mahathir dengan pelajar pusat pengajian tinggi tempatan dan luar negara ketika lawatannya telah menafikan dakwaan pembangkang bahawa mereka ini anti kerajaan.

"Sambutan kepada lawatan-lawatan Perdana Menteri di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan maktab perguruan di Perlis adalah di luar dugaan. Saya sememangnya yakin bahawa pendapat (bahawa pelajar adalah anti kerajaan) adalah sebaliknya," kata Khalil.

Menurutnya, kerajaan akan terus-menerus memberikan penjelasan kepada pelajar untuk masa depan mereka tetapi menjelaskan usaha kerajaan untuk menyekat mereka dari menghadiri ceramah parti pembangkang adalah terhad.

-- BERNAMA

MHI FAZ